

232 pendatang Acheh tetap dihantar pulang

UM - 7 SEP 2003

Oleh JAAFAR AHMAD

KOTA TINGGI 6 Sept. — Kerajaan tetap akan menghantar pulang kesemua 232 pendatang Acheh yang kini ditahan di Pusat Tahanan Lenggeng, Negeri Sembilan dan Machap Umboo, Melaka sebagai pendatang tanpa izin ke negara ini.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, penghantaran pulang mereka akan dilakukan menerusi kerjasama Indonesia selepas segala tindakan ke atas mereka selesai diambil.

Menurut beliau, kerajaan juga tidak akan memberikan suaka politik kepada mereka walau pun diminta oleh pihak Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Pelarian (UNHCR).

"Malaysia tidak mempunyai dasar terbuka untuk memberi suaka politik kepada rakyat asing bagi mengelakkan ia disalahgunakan untuk memasuki negara ini tanpa izin," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Mesyuarat

Menurut Syed Hamid, kerajaan perlu berhati-hati terhadap rakyat asing yang memasuki negara ini dengan mendakwa diri mereka sebagai pelarian dan memohon perlindungan politik.

"Kita bukan tidak mempunyai perikemanusiaan kerana kita pernah mempunyai hampir setengah juta pelarian semasa peperangan di Vietnam dulu," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, Presiden Megawati Soekarnoputri pula telah melahirkan rasa puas hati terhadap sokongan dan kerjasama negara ini kepada Indonesia berhubung soal Acheh pada pertemuannya dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir, baru-baru ini.

"Kita akan mengambil apa juga tindakan yang perlu untuk menjamin kestabilan di rantau ini agar tidak terjejas kerana masih terdapat masalah Acheh yang belum diselesaikan lagi," katanya

Agung Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kota Tinggi, di Air Terjun Kota Tinggi, di sini, hari ini.

Seramai 232 pelarian Acheh ditahan polis apabila mereka cuba mendapatkan suaka politik menerusi UNHCR di pejabatnya di Jalan Bukit Petaling, Kuala Lumpur pada 19 Ogos lalu.